



Faculty of Cognitive Science and Human Development

HUBUNGKAIT PENGARUH PERSONALITI TERHADAP TAHAP
PENGLIBATAN DAN PENGALAMAN GURU-GURU PELATIH
DALAM *E-DISCUSSION*:
SATU KAJIAN KES DI UNIMAS

Lo Ming Siong

BF
698.9
03
L795
2003

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2003

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

Judul: Hubungkait pengaruh personaliti terhadap tahap
penglibatan dan pengalaman guru-guru pelatih dalam
e-discussion : satu kajian kes di UNIMAS

SESI PENGAJIAN : 02/03

Saya Lo MING SIONG
mengaku membenarkan tesis ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti
Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuar pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan antara institusi pengajian tinggi
5. Sila tandakan ()


SULIT (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan
atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA
RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan
oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan
dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh





Alamat Tetap:

1A, Lorong 7,

Jalan Mentis,

96000, Sibu

Sarawak

Tarikh : 28/3/03

Tarikh : 28/3/03

HUBUNGKAIT PENGARUH PERSONALITI TERHADAP TAHAP PENGLIBATAN DAN
PENGALAMAN GURU-GURU PELATIH DALAM *E-DISCUSSION*:
SATU KAJIAN KES DI UNIMAS

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000133506

Oleh

Lo Ming Siong

Projek in merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Pembangunan Sumber Manusia)
dengan kepujian Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia,
Universiti Malaysia Sarawak

Projek bertajuk "hubungkait pengaruh personaliti terhadap tahap penglibatan dan pengalaman guru-guru pelatih dalam e-discussion: satu kajian kes di UNIMAS" telah disediakan oleh Lo Ming Siong dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai syarat untuk ijazah Sarjana Muda Sains dengan kepujian (Pembangunan Sumber Manusia).

Diterima untuk diperiksa oleh:



Pn Noor Shah Mohd Salleh

Tarikh:

28/3/03

Penghargaan

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pn Noor Shah , selaku penyelia Projek Tahun Akhir saya. Beliau telah banyak membantu dan membimbing saya dalam menyiapkan tugas saya.

Selain itu, terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah lain yang telah memberi tunjuk ajar dalam penyelidikan saya, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Terima kasih juga kepada guru-guru PKPG yang telah sudi menjadi responden saya dan meluangkan masa untuk saya membuat temu bual.

Akhirnya, saya ingin berterima kasih kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia , UNIMAS atas sokongan serta bantuan ketika projek tahun akhir ini dijalankan.

Jadual Kandungan

| | |
|---|-----|
| Penghargaan | III |
| Jadual kandungan | IV |
| Senarai Gambarajah | VII |
| Senarai Jadual | IX |
| Abstrack | X |
| <i>Abstract</i> | XI |
| 1 Pengenalan | |
| 1.0 Pengenalan | 1 |
| 1.1 Latarbelakang kajian | 1 |
| 1.2 Kenyataan masalah | 2 |
| 1.3 Objektif kajian | 3 |
| 1.3.1 Objektif Umum | 3 |
| 1.3.2 Objektif Khusus | 3 |
| 1.4 Kerangka konseptual | 4 |
| 1.5 Hipotesis nol | 4 |
| 1.6 Signifikan kajian | 5 |
| 1.7 Definisi istilah | 5 |
| 1.7.1 Personaliti | 5 |
| 1.7.2 <i>Psyche</i> | |
| 1.7.2.1 <i>Introvert(I)</i> | 6 |
| 1.7.2.2 <i>Extrovert (E)</i> | 6 |
| 1.7.3 Penprosesan maklumat | |
| 1.7.3.1 <i>Sensing (S)</i> | 7 |
| 1.7.3.2 <i>iNtuition (N)</i> | 7 |
| 1.7.4 Membuat keputusan | |
| 1.7.4.1 <i>Thinking (T)</i> | 8 |
| 1.7.4.2 <i>Feeling (F)</i> | 8 |
| 1.7.5 Pengorganisasian | |
| 1.7.5.1 <i>Judgment (J)</i> | 9 |
| 1.7.5.2 <i>Perception (P)</i> | 9 |
| 1.7.6 Penglibatan dalam <i>e-discussion</i> | 10 |
| 1.7.7 Pengalaman <i>e-discussion</i> | 10 |
| 1.8 Limitasi kajian | 11 |
| 1.9 Kesimpulan | 12 |
| 2 Kajian Semula Penulisan | |
| 2.1 Pengenalan | 13 |
| 2.2 Personaliti | 13 |
| 2.2.1 <i>Theory of Psychological Types</i> | 13 |
| 2.2.2 Ujian personaliti | 15 |
| 2.3 <i>E-discussion</i> | 15 |
| 2.4 Faktor yang mempengaruhi pembelajaran secara <i>on-line</i> | 16 |
| 2.5 Faktor personaliti yang mempengaruhi pengalaman pengajaran dan pembelajaran | 19 |
| 2.6 Faktor personaliti dalam mempengaruhi penglibatan <i>e-discussion</i> | |
| 2.6.1 Personaliti <i>Extrovert(E)</i> and <i>Introvert(I)</i> | 19 |

| | | |
|----------|--|----|
| 2.6.2 | Personaliti <i>Sensing(S)</i> and <i>iNtuition(N)</i> | 20 |
| 2.6.3 | Personaliti <i>Thinking(T)</i> and <i>Feeling(F)</i> | 20 |
| 2.6.4 | Personaliti <i>Judging(J)</i> and <i>Perception(I)</i> | 20 |
| 2.7 | Kesimpulan | 20 |
| 3 | Metodologi | |
| 3.0 | Pengenalan | 21 |
| 3.1 | Kaedah penyelidikan | 21 |
| 3.2 | Sampel kajian | 21 |
| 3.3 | Pengumpulan data | 22 |
| 3.4 | Instrumen | 23 |
| 3.5 | Ujian <i>pilot</i> | 23 |
| 3.6 | Analisis data | |
| 3.6.1 | Data kuantitatif | 23 |
| 3.6.2 | Data kualitatif | 25 |
| 3.6.2.1. | Temu bual | 25 |
| 3.6.2.2. | Analisis kandungan mesej | 26 |
| 3.7 | Kesimpulan | 27 |
| 4 | Dapatan Kajian | |
| 4.0 | Pengenalan | 28 |
| 4.1 | Analisis deskripsi | |
| 4.1.1 | Taburan personaliti bagi sampel | 28 |
| 4.1.2 | Taburan mesej per individu dalam <i>e-discussion</i> KMP2025 secara keseluruhan | 39 |
| 4.1.3 | Taburan mesej per individu dalam <i>e-discussion</i> KMP2025 bagi sampel kajian | 30 |
| 4.1.4 | Taburan skor pengalaman responden dalam <i>e-discussion</i> | 30 |
| 4.2 | Analisis kuantitatif menerusi ujian statistik <i>NonParametric Tests (Mann-Whitney U test)</i> dan <i>Parametric Tests (T-test)</i> | |
| 4.2.1 | Hipotesis nol 1 (H_01): tidak terdapat perbezaan bilangan penghantaran mesej yang signifikan bagi personaliti <i>Introvert(I)</i> dan <i>Extrovert(E)</i> | 31 |
| 4.2.2 | Hipotesis nol 2 (H_02): tidak terdapat perbezaan bilangan penghantaran mesej yang signifikan bagi personaliti <i>Sensing(S)</i> dan <i>iNtuition (N)</i> | 31 |
| 4.2.3 | Hipotesis nol 3 (H_03): tidak terdapat perbezaan bilangan penghantaran mesej yang signifikan bagi personaliti <i>Feeling (F)</i> dan <i>Thinking (T)</i> | 32 |
| 4.2.4 | Hipotesis nol 4 (H_04): tidak terdapat perbezaan bilangan penghantaran mesej yang signifikan bagi personaliti <i>Judgment(J)</i> dan <i>Perception (P)</i> | 32 |
| 4.2.5 | Hipotesis nol 5 (H_05): Tidak terdapat perbezaan pengalaman <i>e-discussion</i> yang signifikan antara <i>Introvert (I)</i> dan <i>Extrovert (E)</i> | 32 |
| 4.2.6 | Hipotesis nol 6 (H_06): Tidak terdapat perbezaan pengalaman <i>e-discussion</i> yang signifikan antara <i>Sensing (S)</i> dan <i>iNtuition (N)</i> | 33 |
| 4.2.7 | Hipotesis nol 7 (H_07): Tidak terdapat perbezaan pengalaman <i>e-discussion</i> yang signifikan antara <i>Feeling (F)</i> dan <i>Thinking (T)</i> | 34 |
| 4.2.8 | Hipotesis nol 8 (H_08): Tidak terdapat perbezaan pengalaman <i>e-discussion</i> yang signifikan antara <i>Judgment (J)</i> dan <i>Perception (P)</i> . | 34 |

| | | |
|----------|---|----|
| 4.3 | Analisis kualitatif | 35 |
| 4.3.1 | Pengaruh dari segi personaliti <i>Psyche</i> terhadap penglibatan dalam <i>e-discussion</i> | 35 |
| 4.3.1.1 | Golongan <i>Extrovert (E)</i> | 35 |
| 4.3.1.2 | Golongan <i>Extrovert(E)</i> yang menunjukkan penglibatan tinggi | 36 |
| 4.3.1.3 | Golongan <i>Extrovert(E)</i> yang menunjukkan penglibatan sederhana dan rendah | 36 |
| 4.3.1.4 | Golongan <i>Introvert(I)</i> | 36 |
| 4.3.2 | Pengaruh dari segi personaliti pemrosesan maklumat terhadap penglibatan dalam <i>e-discussion</i> | 36 |
| 4.3.2.1 | Golongan <i>Sensing (S)</i> | 37 |
| 4.3.2.2 | Golongan <i>iNtuition(N)</i> | 38 |
| 4.3.3 | Pengaruh dari segi personaliti Membuat Keputusan terhadap penglibatan dalam <i>e-discussion</i> | 39 |
| 4.4 | Interaksi <i>e-discussion</i> KMP 2025 | 39 |
| 4.5 | Perbincangan | |
| 4.5.1 | Ringkasan bagi keputusan pengujian hipotesis kajian | 40 |
| 4.5.2 | Masalah guru-guru pelatih | 41 |
| 4.5.2.1 | Kemudahan komputer | 41 |
| 4.5.2.2 | Pembelajaran golongan dewasa | 41 |
| 4.5 | Kesimpulan | 42 |
| 5 | Kesimpulan & Cadangan | |
| 5.0 | Pengenalan | 43 |
| 5.1 | Kesimpulan kajian | 43 |
| 5.2 | Cadangan | |
| 5.2.1 | Cadangan untuk organisasi (UNIMAS) | |
| 5.2.1.1 | Usaha yang menggalakkan penglibatan golongan <i>Sensing (S)</i> | 43 |
| 5.2.1.2 | Membentuk inisiatif komuniti <i>e-discussion</i> | 44 |
| 5.2.1.3 | Menubuhkan sub-komuniti <i>e-discussion</i> | 44 |
| 5.2.2 | Cadangan untuk pemantau <i>e-discussion</i> | 44 |
| 5.2.3 | Cadangan untuk kajian masa depan | |
| 5.2.3.1 | Menggunakan kaedah analisis kandungan yang lebih baik dan lengkap | 45 |
| 5.2.3.2 | Menggunakan sampel yang berlainan dan saiz sampel yang besar | 45 |
| 5.2.3.3 | Menggunakan instrumen ujian personaliti yang lain | 45 |
| 6 | Rujukan | 46 |
| 7 | Lampiran | 49 |

Senarai Gambarajah

| | |
|---|----|
| Gambarajah 1: Kerangka konseptual kajian. | 3 |
| Gambarajah 2: Struktur komponen bagi <i>Psyche</i> . | 14 |
| Gambarajah 3: E-learning Framework yang dicadangkan oleh Smith & Hardaker (2000). | 16 |
| Gambarajah 4: E-learning Framework yang dicadangkan oleh Khan (2001). | 16 |
| Gambarajah 5: Faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan individu dalam pembelajaran yang berorientasikan e-learning. | 17 |
| Gambarajah 6: Taburan bilangan penghantaran mesej responden. | 24 |
| Gambarajah 7 : Taburan skor pengalaman responden. | 25 |
| Gambarajah 7 : Graf perbandingan pengalaman bagi golongan personaliti Sensing(S) dan iNtuition (N). | 33 |

Senarai Jadual

| | |
|---|----|
| Jadual 1a: Perbandingan ciri-ciri personaliti Extrovert (E) dan Introvert (I). | 6 |
| Jadual 1b: Perbandingan ciri-ciri personaliti Sensing (S) dan iNtuition (N). | 8 |
| Jadual 1c: Perbandingan ciri-ciri personaliti Thinking (T) dan Feeling (F). | 9 |
| Jadual 1d: Perbandingan ciri-ciri personaliti Judgment (J) dan Perception (P). | 10 |
| Jadual 2a: Perbandingan personaliti Extrover(E) dan Introvert (I) dalam pengajaran dan pembelajaran. | 18 |
| Jadual 2b: Perbandingan personaliti Sensing (S) dan iNtuition (N) dalam pengajaran dan pembelajaran. | 18 |
| Jadual 2c: Perbandingan personaliti Thinking (T) dan Feeling (F) dalam pengajaran dan pembelajaran. | 19 |
| Jadual 2d: Perbandingan personaliti Judgment (J) dan Perception (P) dalam pengajaran dan pembelajaran. | 19 |
| Jadual 3a: Klasifikasi number soalan KTS II mengikut aspek personaliti. | 23 |
| Jadual 3b: Bilangan mesej per individu mengikut tahap penglibatan. | 24 |
| Jadual 3c: Kategori komunikasi bagi analisis mesej | 26 |
| Jadual 4a: Taburan responden mengikut bilangan mesej dan tahap penglibatan masing-masing. | 28 |
| Jadual 4b: Taburan keseluruhan bilangan mesej bagi kesemua guru-guru pelatih dalam <i>e-discussion</i> KMP 2025. | 29 |

| | |
|---|----|
| Jadual 4c: Bilangan mesej bagi responden-responden kajian dalam <i>e-discussion</i> KMP 2025. | 30 |
| Jadual 4d: Skor pengalaman resonden terhadap <i>e-discussion</i> secara keseluruhan. | 31 |
| Jadual 4e: Keputusan Mann-Whitney test bagi hipotesis 1. | 31 |
| Jadual 4f: Keputusan Mann-Whitney test bagi hipotesis 2. | 31 |
| Jadual 4g: Keputusan Mann-Whitney test bagi hipotesis 3. | 32 |
| Jadual 4h: Keputusan T- test bagi hipotesis 5. | 32 |
| Jadual 4i: Keputusan T- test bagi hipotesis 6. | 33 |
| Jadual 4j: Keputusan T- test test bagi hipotesis 7 | 34 |

ABSTRAK

Pengaruh personaliti terhadap tahap penglibatan guru-guru pelatih dan pengalaman masing-masing dalam *e-discussion*: satu kajian kes di UNIMAS

Lo Ming Siang

Kajian ini bertujuan untuk menentukan pengaruh personaliti pelajar terhadap tahap penglibatan dan pengalaman masing-masing dalam *e-discussion*. Kajian ini merupakan suatu kajian kes di UNIMAS, iaitu *e-discussion* bagi kursus KMP2025. Teori personaliti *Jung/ Myers Theory of Psychological Types* digunakan dalam kajian ini sebagai panduan dalam mengelaskan jenis-jenis personaliti yang hadir. Seramai 60 orang guru-guru pelatih telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Personaliti guru-guru pelatih telah berjaya dikenalpasti dengan menggunakan *The Keirsey Temperament Sorter II*. Analisis data menggunakan perisian "*Statistical Package for Social Science*" (*SPSS*) *version 11*, memberikan gambaran tentang personaliti responden dan tahap penglibatan serta pengalaman masing-masing dalam *e-discussion* KMP 2025. Dua ujian statistik inferensi iaitu *Parametric test (Independent T-test)* dan *Non Parametric test (Mann Whitney U test)* dijalankan untuk mengenalpasti pengaruh faktor personaliti dalam konteks kajian kes. Walaubagaimanapun, personaliti jenis *perception (P)* didapati tidak wujud di kalangan 60 orang responden ini. Maka terdapat sebilangan pengujian hipotesis tidak dapat dijalankan. Keputusan kajian menunjukkan hanya personaliti jenis *Sensing(S)* dan *iNtuition(N)* yang mempunyai pengaruh terhadap pengalaman *e-discussion*. *iNtuition(N)* didapati mempunyai lebih banyak pengalaman positif dalam *e-discussion*. Manakala personaliti *Sensing (S)* didapati mempunyai pengalaman negatif. Faktor personaliti didapati tidak mempengaruhi tahap penglibatan responden dalam *e-discussion*. Namun demikian, keputusan kajian kualitatif juga menunjukkan personaliti mempunyai pengaruh terhadap corak komunikasi mesej.

ABSTRACT

Influences of personality toward participation and their experiences in an e-discussion among teacher trainee: a case study in UNIMAS

Lo Ming Siang

This study investigated the influence of personality toward end-users' participation and their experience in e-discussion. A case study was carried out on e-discussion among the teacher trainees following the course KMP2025, which is related to practical teaching in the schools. Sixty teacher trainees have been involved in this research. Their personality type was sorted into groups using The Keirsey Temperament Sorter II. Guideline for personalities sorting was based on Jung/ Myers Theory of Psychological Types, which indicates personalities' domain as Extrovert (E) or Introvert (I), iNtuition (N) or Sensing (S), Thinking (T) or Feeling (F) and Perception (P) atau Judgment (J). However, the reseacher had failed to indicate any Perception (P) personality type among the respondents. Trainees' personality types were later correlated to their level of participation and their experience during e-discussion. Independent T-test and Mann Whitney U tes was adopted to analyse the data. Data analysis based on Statical Package for Social Science (SPSS) version 11 shows that certain types of personality can affect trainees' experinces; While on other hand, trainees' personality type shows no influences on trainee participation. Basically, comparison of the overall results suggested that iNtuition (N) personality type had more positive experince on e-discussion, while the quanltiutive study shows that Extrovert (E) personality type seems to be more responsive and interactive in their messages.

Bab 1 Pengenalan

1.0 Pengenalan

Kajian yang dijalankan ini bertujuan mengkaji hubungkait personaliti guru-guru pelatih terhadap penglibatan dan pengalaman masing-masing dalam *e-discussion*. Hal ini berikutan integrasi teknologi laman web dalam instruksi pendidikan tinggi. Semenjak 14 tahun yang lepas, komunikasi bermediakan komputer (computer mediated computer, CMC) telah berkembang menjadi revolusi sebagai peralatan sokongan untuk instruksi (Hara, Bonk & Angeli, 1998; Kang, 1998; Rice, 1989)

Bersesuaian dengan kaedah pembelajaran dan pengajaran yang semakin berkembang, kebanyakan universiti terkemuka telah menyediakan sistem laman web untuk menyokong pembelajaran secara on-line. Bascsich (1997) menyatakan bahawa kelengkapan dan kemudahan laman web serta teknologi yang berkaitan dalam kampus dianggap penting sebagai titik permulaan untuk pengajaran dan pembelajaran. Namun, adakah bakal-bakal guru dan pensyarah sudah bersedia untuk menyesuaikan diri dengan konsep pembelajaran secara *on-line*? Harus diingatkan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran tidak akan berjaya sekiranya keperluan individu-individu yang terlibat tidak diambil kira. Dalam perkataan lain, kaedah perolehan pengetahuan tidak semata-matanya bergantung kepada teknologi sahaja, tetapi mengambil kira pemrosesan minda individu yang terlibat. Meskipun demikian, menurut Shahbodin (1999), perolehan pengetahuan memerlukan bantuan teknologi. Jadi, teknologi dan keperluan individu harus saling sokong menyokong untuk menjayakan proses pembelajaran.

Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan menumpu sepenuhnya pada perkara paling asas dalam minda manusia, iaitu personaliti. Kajian kes ini dilakukan di kalangan guru-guru pelatih yang terlibat dalam *e-discussion* KMP 2025. Di samping itu, kajian ini dilakukan dengan menfokus kepada pengaruh personaliti terhadap dua pembolehubah tidak bersandar, iaitu penglibatan guru-guru pelatih dan pengalaman masing-masing. Dengan ini, kajian ini dapat mengenalpasti jenis-jenis personaliti yang cenderung mengadaptasikan diri dengan teknologi *e-discussion*. Personaliti di kalangan guru-guru pelatih yang menunjukkan kadar penglibatan yang tinggi dan pengalaman *e-discussion* yang positif boleh dianggap sebagai personaliti yang berjaya mengadaptasikan diri.

Pendek kata, diagnosis dan interpretasi pengaruh personaliti merupakan tumpuan utama kajian ini kerana dapatan kajian akan memberikan panduan tentang persepsi individu, prestasi masing-masing dalam *e-discussion*. Semoga kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada perekaan instruksi dan pedagogi sistem pendidikan pada masa depan.

1.1 Latarbelakang kajian

Lotus Quickplace ialah program laman web yang digunakan dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Teknologi *Lotus*

Quickplace ini merupakan sistem sokongan utama kepada pelaksanaan konsep *e-learning* UNIMAS. Penyediaan laman web bagi kursus-kursus yang berlainan adalah berteraskan sistem *Lotus Quickplace*. Media ini berfungsi sebagai saluran untuk *e-discussion*, *on-line mentoring*, dan pengedaran bahan pengajaran secara elektronik bagi sesuatu kursus. Maka, aktiviti dalam sesuatu *Quickplace* adalah berdasarkan perkembangan semasa sesuatu kursus. Tema bagi *Quickplace* adalah berdasarkan kod kursus latihan yang diajar. Dalam kajian ini, *e-discussion* KMP2025 merupakan sebahagian daripada aktiviti dalam *Quickplace* kursus KMP2025, iaitu kursus latihan praktikal mengajar untuk guru-guru pelatih.

Guru-guru pelatih bagi kajian ini merupakan pelajar-pelajar yang mengikuti Program Khas Peminiswajaan Guru (PKPG). Seramai 72 orang pelajar Program Khas Peminiswajaan Guru (PKPG) melibatkan diri dalam kajian ini. Kebanyakan golongan ini berpendapat bahawa teknologi ini juga membantu mereka dalam mengikuti perkembangan semasa latihan praktikal. Pelajar PKPG dijadikan pilihan utama dalam kajian ini memandangkan golongan ini merupakan *end-user* yang berlatarbelakangkan guru yang berpengalaman dan juga pelajar dewasa. Dalam kata lain, pelajar PKPG menjadi pilihan dalam kajian ini kerana golongan ini bersifat konsisten dalam mengenali personaliti diri. Oleh itu, pelajar PKPG dalam kajian ini dianggap dapat memudahkan penentuan hubungkait personaliti dengan penglibatan serta pengalaman mereka dalam *e-discussion*.

Kajian ini akan tertumpu kepada jenis-jenis personaliti berdasarkan *Theory of Psychological types*. Personaliti kesemua pelajar PKPG akan dikenalpasti berdasarkan empat aspek, iaitu aspek *Psyche (extroversion & introversion)*, aspek Pemprosesan Maklumat (*sensing & intuition*), aspek Membuat Keputusan (*thinking & feeling*), dan aspek Pengorganisasian Kehidupan (*judging & perceiving*). Penentuan personaliti di kalangan guru-guru pelatih diperlukan agar perbandingan antara personaliti dapat dilakukan dari segi tahap penglibatan dan pengalaman guru-guru pelatih ketika *e-discussion* KMP 2025.

1.2 Kenyataan masalah

Sejajar dengan arus globalisasi, trend komuniti universiti tempatan kini giat berusaha dalam mengadakan instruksi kursus program yang menggunakan teknologi *on-line*. Malah, pembelajaran kolaboratif dengan aplikasi teknologi internet turut disenaraikan sebagai sebahagian dalam program *Smart School*. Namun begitu, menurut Lee(2000), penyelidikan bidang pendidikan masih kurang pasti sama ada teknologi pembelajaran baru ini memberikan manfaat kepada semua pelajar, malah tidak terdapat kajian literasi yang kukuh tentang strategi pembelajaran secara *on-line*. Oleh itu, inisiatif individu dalam mengadaptasikan diri dengan teknologi internet dalam proses pengajaran-pembelajaran juga membawa kepada beberapa isu persoalan. Antaranya, isu yang menggariskan keupayaan serta peranan guru dalam menggalakkan persekitaran pengajaran-pembelajaran secara *on-line*. Setakat manakah bakal guru-guru bersedia dengan evolusi teknologi pendidikan baru ini? Dengan ini, kajian ini ingin meninjau penglibatan guru-guru pelatih dan pengalaman masing-masing dalam pembelajaran kolaboratif secara *on-line*, iaitu *e-discussion*.

Dringus (2001) mendapati bahawa kebanyakan guru yang menggunakan konsep *on-line* mengadu bahawa mereka telah banyak berusaha dalam menyediakan bahan sumber *on-line* dan mesej untuk pelajar, tetapi pelajar yang terlibat tetap gagal mengikuti arahan. Pada masa yang sama, konsep pembelajaran *on-line* ini juga telah dianggap sebagai beban bagi sesetengah pelajar. Masalahnya, kebanyakan pelajar memindahkan pendekatan pembelajaran tradisional ke dalam konteks persekitaran siber (Burge, 1992; Eastmond, 1992; Lee, 2000). Menurut D. Walters dan C. Egert (2000), hal ini menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran *on-line* kurang berkesan. Di samping itu, teknologi instruksi yang berbeza memperlihatkan ciri-ciri serta keperluan yang berbeza. Dengan itu, pembelajaran kolaboratif secara *on-line* memerlukan

penyelarasan antara konsep dan pengkacaahan agar bersesuaian dengan latarbelakang guru-guru pelatih. Hal ini membangkitkan persoalan tentang identifikasi golongan guru-guru pelatih yang mengalami kesulitan dalam mengadaptasikan diri dengan ciri-ciri teknologi instruksi bagi *e-discussion*. Menurut Hishina, Okada, Ogasawara, Sakamoto dan Suzuki (2002), personaliti memainkan peranan utama dalam persekitaran pembelajaran kolaboratif. Adakah faktor personaliti berperanan sebagai pengaruh penting dalam pembelajaran kolaboratif melalui *e-discussion*? Menurut kajian Dorothy; Rena; Kristi; Sharon (2000) mengulaskan bahawa terdapat personaliti pengajar dan gaya tertentu yang dapat menyumbangkan kepada keberkesanan *Virtual Classroom*. Untuk mengenalpasti pengaruh personaliti terhadap pembelajaran kolaboratif dalam konteks malaysia, satu *e-discussion* di UNIMAS dijadikan sebagai satu kajian kes. Kajian kes yang digunakkan adalah *e-discussion* KMP 2025 yang menggunakan teknologi *Lotus Quickplace*.

Memandangkan kebanyakan kajian literasi telah membuktikan bahawa pengajar atau fasilitator memainkan peranan yang penting dalam keberkesanan *e-learning*, maka peranan fasilitator tidak perlu lagi menjadi persoalan dalam kajian ini. Tambahan pula, dalam konteks *e-discussion*, fasilitator tidak seharusnya mendominasi perbincangan kerana penglibatan *end-user* yang akan menentukan keberkesanannya sesuatu pembelajaran kolaboratif. Menurut Bonk & Dennen (1999) seperti yang dinyatakan oleh Lee(2000), dalam persekitaran berorientasikan pembelajaran secara *on-line*, peranan pelajar adalah elemen kerjaya yang utama. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, pengkaji cuma memfokuskan golongan guru-guru pelatih sebagai sampel kajian. Pendek kata, kajian ini cuba melihat hubungkait personaliti guru-guru pelatih dengan penglibatan dan pengalaman masing-masing dalam *e-discussion*.

1.3 Objektif kajian


1.3.1 Objektif Umum

Menentukan sama ada faktor personaliti mempengaruhi tahap penglibatan dan pengalaman individu dalam *e-discussion*.

1.3.2 Objektif Khusus

- 1) Menentukan personaliti guru-guru pelatih.
- 2) Menentukan sejauh mana faktor personaliti individu mempengaruhi tahap penglibatan mereka dalam *e-discussion*.
- 3) Menentukan sejauh mana faktor personaliti individu mempengaruhi pengalaman mereka dalam *e-discussion*.
- 4) Menenalpasti hubungan antara personaliti dan interaksi dalam *e-discussion*.
- 5) Menenalpasti jenis masalah yang dialami oleh guru-guru pelatih dalam *e-discussion*.

1.4 Kerangka konseptual



Gambarajah 1: Kerangka konseptual kajian.

1.5 Hipotesis nol

Hipotesis nol 1 hingga 4 adalah menguji perbezaan tahap penglibatan, iaitu bilangan penghantaran mesej berdasarkan klasifikasi personaliti.

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan bilangan penghantaran mesej yang signifikan bagi personaliti *Introvert (I)* dan *Extrovert (E)*.
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan bilangan penghantaran mesej yang signifikan bagi personaliti *Sensing (S)* dan *iNtution (N)*.
- Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara bilangan penghantaran mesej bagi personaliti *Feeling (F)* dan *Thinking (T)*.
- Ho4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara bilangan penghantaran mesej bagi personaliti *Judgment (J)* dan *Perception (P)*.

Hipotesis nol 5 hingga 8 adalah menguji perbezaan skor pengalaman berdasarkan klasifikasi personaliti.

- Ho5 Tidak terdapat perbezaan pengalaman *e-discussion* yang signifikan antara *Introvert (I)* dan *Extrovert (E)*.
- Ho6 Tidak terdapat perbezaan pengalaman *e-discussion* yang signifikan antara *Sensing (S)* dan *iNtution (N)*.
- Ho7 Tidak terdapat perbezaan pengalaman *e-discussion* yang signifikan antara *Feeling (F)* dan *Thinking (T)*.
- Ho8 Tidak terdapat perbezaan pengalaman *e-discussion* yang signifikan antara personaliti *Judgment (J)* dan *Perception (P)*.

1.6 Signifikan kajian

Kepentingan sebenar kajian ini adalah untuk mengenalpasti sama ada faktor personaliti memberikan pengaruh kepada pelajar-pelajar atau *end-user* dalam memotivasikan penglibatan masing-masing dalam *e-discussion*. Seperkara lagi, adakah faktor personaliti membawa pengaruh yang sama terhadap pengalaman dan penglibatan guru-guru pelatih?

Diagnosis dan interpretasi personaliti pelajar dapat memberikan data panduan yang penting tentang persepsi individu, corak interaksi dengan persekitaran pembelajaran. Panduan ini dapat dihubungkan dengan penglibatan dan pengalaman individu dalam *e-discussion*. Pengetahuan ini penting dalam penyediaan instruksi kursus yang berkesan. Seterusnya menurut Brown (2001), ini akan memberikan lebih banyak ruang pembelajaran untuk pelajar-pelajar. Hal ini kerana sikap pelajar dipertimbangkan dalam proses penyediaan intruksi kursus. Oleh ini, instruksi kursus hanya mempertimbangkan masalah pelajar-pelajar yang gagal mengadaptasikan diri. Instruksi yang berkesan seharusnya memberikan manfaat kepada semua pelajar-pelajar.

Harus diingatkan bahawa tidak ada personaliti yang dikatakan baik atau buruk dalam apa jua teori personaliti. Meskipun demikian, dalam konteks pembelajaran berorientasikan *e-discussion*, sekurang-kurangnya fasilitator dan *end-user* sedar akan jenis-jenis personaliti yang sedang dan bakal mengalami kesusulitan. Penekanan dapat diberi kepada personaliti yang kurang bermotivasi dengan penglibatan dalam *e-discussion*. Pengenalan teknologi pendidikan yang baru harus memberikan manfaat kepada semua pelajar secara keseluruhan, bukannya segelintir pelajar sahaja.

Dengan menggunakan guru-guru pelatih sebagai sampel kajian, dapatan kajian khususnya hasil dapatan kualitatif kajian ini pasti menjadi lebih bermanfaat dan bernilai. Hal ini kerana responden kajian mempunyai pengalaman lebih daripada empat tahun dalam kemahiran pengajaran-pembelajaran. Golongan guru ini lebih menyedari tentang objektif pengajaran-pembelajaran serta keberkesanannya sesuatu rekaan instruksi. Oleh itu, golongan ini dijangka dapat memberikan pendapat yang lebih holistik tentang kelemahan-kelemahan sistem *e-discussion* atau *e-learning*.

1.7 Definisi istilah

1.7.1 Personaliti

Definisi bagi istilah personaliti dalam kajian ini berdasarkan definisi konseptual *Jung/Myers Theory of Psychological Types*. Definisi-definisi ini hanya sebagai asas kepada implikasi dalam soalan-soalan ujian personaliti yang digunakan.

Personaliti dalam kajian ini didefinisikan pada aspek *Biophysical*. Oleh itu, personaliti boleh didefinisikan sebagai kualiti spesifik yang ada dalam seseorang yang dapat diulas dan dinilai secara objektif, seperti dalam bidang pengetahuan fizik. Tipologi personaliti yang digunakan dalam kajian ini juga adalah berpandukan *Jung/Myers Theory of Psychological Types*, iaitu perbezaan penggunaan minda oleh individu (Quenk, 2000) dalam berinteraksi dengan persekitarannya (Ryckman, 1992). *Jung/Myers Theory of Psychological Types* mengklasifikasikan personaliti kepada empat aspek, iaitu aspek *Psyche* (*extraversion & introversion*), aspek Pemprosesan Maklumat (*sensing & intuition*), aspek Membuat Keputusan (*thinking & feeling*), dan aspek Pengorganisasian Kehidupan (*judging & perceiving*).

1.7.2 *Psyche*

Psyche merujuk kepada personaliti seseorang secara keseluruhan. Menurut Hall & Lindzey (1985), sifat tenaga *Psyche* ditunjukkan melalui bentuk perasaan, pemikiran dan kelakuan.

Konsep *Psyche* adalah berasaskan *Prinsip of Oppsites*. Oleh itu, terdapat dua komponen yang bertentangan dalam konsep *Psyche* iaiti *Introvert (I)* dan *Extrovert (E)*.

1.7.2.1 *Introvert(I)*

a. Definisi Konseptual

Introvert (I) didefinisikan sebagai sikap yang menunjukkan tenaga *Psyche* pada persekitaran dalaman diri seseorang, renungan, pengalaman dalaman, dan kecenderungan dalam aktiviti pada aspek tersebut (Quenk, 2000).

b. Definisi Operasi

Kecenderungan dalam *Introvert (I)* memperlihatkan kelakuan individu yang menggunakan kebanyakan masa dalam merenung dan menyemak semula idea serta pengalaman lama. Golongan ini juga bertindak dengan membuat pemerhatian terlebih dahulu, seterusnya mengambil masa untuk pertimbangan sebelum berinteraksi dengan benda yang baru atau menyampaikan sesuatu mesej.

1.7.2.2 *Extrovert (E)*

a. Definisi Konseptual

Sikap asas yang disifatkan sebagai kecenderungan motivasi dalaman untuk berinteraksi dengan dunia luar, aktiviti, dan pertuturan. Quenk (2000) mendefinisikan *Extrovert (E)* sebagai sikap yang menunjukkan tenaga *Psyche* ke luar dan menerima tenaga dari persekitaran luaran yang meliputi manusia, benda, dan kelakuan.

b. Definisi Operasi

Personaliti *Extrovert (E)* diperhatikan berkecenderungan dalam berinteraksi dengan persekitaran luar dan orang lain secara kerap. Cara yang digunakan oleh personaliti ini untuk membelajari aktiviti baru adalah melalui strategi cuba-mencuba (*trial and error*). Personaliti jenis ini lebih berkeupayaan membuat pertimbangan secara berkesan apabila berinteraksi dengan persekitaran luar, sama ada melalui pertuturan ataupun kelakuan.

Jadual 1a: Perbandingan ciri-ciri personaliti *Extrovert (E)* dan *Introvert (I)*.

| <i>Extrovert (E)</i> | <i>Introvert (I)</i> |
|----------------------------|----------------------------|
| Suka bergaul | Bersendirian |
| Mahir berhujah | Diam |
| Banyak kawan | Kurang kawan |
| Pemikiran yang luas | Pemikiran yang mendalam |
| Interaksi | Konsentrasi |
| Fokus luaran | Fokus dalaman |
| Bertindak sebelum berfikir | Berfikir sebelum bertindak |

Dipetik dari: <http://www.teamtechnology.co.uk>

1.7.3 Pemprosesan Maklumat

Aspek ini merujuk kepada pendekatan yang digunakan ketika memerhatikan kejadian di persekitaran seseorang. Aspek ini memperlihatkan dua komponen personaliti yang bertentangan, iaitu *Sensing (S)* dan *iNtuition (N)*. Walaupun setiap individu mempunyai keupayaan untuk menunjukkan kedua-dua personaliti, tetapi jarang terdapat individu yang memiliki kedua-dua personaliti secara seimbang. Dalam perkataan lain, hanya satu yang personaliti akan menjadi dominan dalam seseorang individu.

1.7.3.1 *Sensing (S)*

a. Definisi Konseptual

Menurut Hall & Lindzey (1985), *Sensing (S)* melibatkan operasi organ deria pancaindera (lihat, dengar, sentuh, rasa, dan bau) dan juga perasaan diri seseorang. Oleh itu, personaliti ini bergantung kepada rangsangan dan isyarat kognitif untuk menghasilkan persepsi. Individu *Sensing (S)* berkecenderungan dalam mengekalkan penyimpanan memori yang lebih lengkap, spesifik, dan teliti. Justeru, golongan ini tidak berminat dalam hipotesis, kewujudan kebarangkalian, dan ketidakpastian. (Quenk, 2000)

b. Definisi Operasi

Bagi *Sensing (S)*, persepsi golongan ini adalah tertakluk kepada bukti-bukti daripada pancaindera, konkrit dan pengumpulan data terkini. Personaliti ini berkecenderungan hanya melihat kepada realiti masa kini; mengabaikan kemungkinan pada masa depan. Pemprosesan maklumat personaliti *Sensing (S)* mempertikaikan keberkesanan dan praktikal sesuatu cadangan berpandukan pengalamann sebelum ini.

1.7.3.2 *iNtuition (N)*

a. Definisi Konseptual

Menurut Quenk (2000), persepsi personaliti *iNtuition (N)* dihasilkan dengan berpandukan pengecaman corak, pengertian makna, dan kewujudan kemungkinan pada masa depan berdasarkan pemerhatian situasi pada masa kini. Dalam erti lain, personaliti ini amat mementingkan konsep, idea, teori, penaaakulan tentang perhubungan serta kepelbagaian maklumat. Hal ini juga bermakna proses pemprosesan data yang digunakan kurang menekankan kepentingan sesuatu fakta, tetapi bebas untuk menjanakan idea secara rawak.

b. Definisi Operasi

Personaliti ini dapat berkomunikasi dengan kreatif dan mudah membelajari sesuatu yang baru. Di samping itu, personaliti ini juga menunjukkan kesukaran dalam mengingat fakta semasa. Personaliti *iNtuition (N)* dapat dikenalpasti melalui kesanggupan dan kecenderungan individu dalam menerima konsep yang baru, pembangunan, dan pembaharuan.

Jadual 1b: Perbandingan ciri-ciri personaliti *Sensing (S)* dan *iNtuition (N)*.

| <i>Sensing (S)</i> | <i>iNtuition (N)</i> |
|--------------------|----------------------|
| Fakta | Kemungkinan |

| | |
|-------------|-------------|
| Pengalaman | Pembaharuan |
| Masa kini | Masa depan |
| Praktikal | Aspirasi |
| Keselesaian | Pembangunan |
| Realisme | Idealisme |
| Guna | Ubah |

Dipetik dari: <http://www.teamtechnology.co.uk>

1.7.4 Membuat Keputusan

Aspek ini merujuk kepada pendekatan dalam membuat pertimbangan sebelum sesuatu keputusan ditentukan. Aspek ini juga memperlihatkan dua komponen personaliti yang bertentangan, iaitu *Thinking(T)* dan *Feeling(F)*. Kebiasaanya, hanya satu personaliti sahaja yang akan menjadi dominan bagi seorang individu.

1.7.4.1 *Thinking (T)*

a. Definisi Konseptual

Menurut Quenk (2000), personaliti *Thinking (T)* mengaplikasikan kriteria dan prinsip spesifik dalam penganalisisan keputusan yang linear. Oleh itu, personaliti *Thinking (T)* menggunakan strategi analisis yang logikal dan rasional dalam membuat keputusan. Hal ini membolehkan individu yang berpersonaliti ini mencapai kenyataan yang objektif dan munasabah.

b. Definisi Operasi

Personaliti *Thinking (T)* dapat dikenalpasti melalui gaya membuat keputusan yang objektif, iaitu hanya mempertimbangkan data maklumat yang diperoleh semasa. Selalunya, keputusan hasil pertimbangan yang dicapai oleh personaliti ini mencerminkan pemikiran yang logik dan objektif.

1.7.4.2 *Feeling (F)*

a. Definisi Konseptual

Menurut Quenk (2000), personaliti *Feeling (F)* menggunakan nilai untuk mempertimbangkan kepentingan sesuatu maklumat (sama ada diproses secara *Sensing (S)* atau *iNtuition (N)*) secara relatif. Prinsip membuat keputusan ini mementingkan kesan atau impak keputusan ke atas individu serta sekelompok manusia. Sebenarnya, golongan *Feeling (F)* berkeupayaan mengesan unsur yang logik dan objektif tentang sesuatu keputusan. Namun begitu, personaliti ini sengaja mengabaikannya demi keharmonian dan kesejahteraan.

b. Definisi Operasi

Personaliti *Feeling (F)* memperlihatkan cara membuat keputusan yang bertentangan dengan personaliti *Thinking (T)*. Personaliti *Feeling (F)* sengaja mengabaikan penggunaan pemikiran kritikal dan keputusan objektif demi keharmonian dan kesejahteraan semua pihak. Keputusan personaliti ini sentiasa mencerminkan keutamaan dalam penghargaan dan belas

kasihan serta bertimbang rasa. Proses pertimbangan *Feeling (F)* dikatakan berlaku tanpa disedari.

Jadual 1c: Perbandingan ciri-ciri personaliti *Thinking (T)* dan *Feeling (F)*.

| <i>Thinking (T)</i> | <i>Feeling (F)</i> |
|---------------------|---------------------|
| Analisis | Belas kasihan |
| Objektif | Subjektif |
| Logik | Personal |
| Kritis | Penghargaan |
| Pemerhatian | Penyertaan |
| Prinsip | Nilai |
| Pandangan jauh | Pandangan sederhana |

Dipetik dari: <http://www.teamtechnology.co.uk>

1.7.5 Pengorganisasian

Aspek ini merujuk kepada personaliti individu dalam menyelesaikan sesuatu tugas serta pendekatan dalam mengorganisasikan persekitaran seseorang. Oleh itu, personaliti aspek ini dapat diperhatikan melalui cara individu dalam pengurusan hubungan peribadi, keluarga dan tempat kerja. Aspek ini juga memperlihatkan dua komponen personaliti yang bertentangan, iaitu *Judgment (J)* dan *Perception (P)*. Kebiasaannya, hanya satu personaliti sahaja yang akan menjadi dominan bagi seorang individu.

1.7.5.1 *Judgment (J)*

a. Definisi Konseptual

Sifat ini wujud dalam usaha individu mengorganisasikan corak kehidupan masing-masing. Menurut Quenk (2000), personaliti *Judgment (J)* merujuk kepada sifat individu yang sering mengaplikasikan kemahiran membuat keputusan/ pertimbangan (kecenderungan dalam membuat keputusan, tidak kira sama ada *Thinking (T)* atau *Feeling (F)*). Dalam kata lain, golongan individu ini berkecenderungan untuk mencapai kesimpulan atau membuat keputusan segera dan sebaik mungkin apabila berinteraksi dengan persekitaran luaran.

b. Definisi Operasi

Secara semula jadi, personaliti *Judgment (J)* lebih bersifat berorganisasi, berstruktur, dan bekerja mengikut jadual, tanpa disedari oleh individu sendiri. Golongan ini dapat dikenalpasti menerusi tabiat seperti membuat keputusan yang segera dan lebih selesa apabila bekerja dalam persekitaran yang tidak ada gangguan.

1.7.5.2 *Perception (P)*

a. Definisi Konseptual

Berlainan dengan personaliti *Judgment (J)*, personaliti *Perception (P)* menggunakan pendekatan yang tersendiri dalam usaha mengorganisasikan corak kehidupan individu. Menurut

Quenk (2000), personaliti *Perception (P)* merujuk kepada kecenderungan individu yang sering menggunakan pendekatan pemrosesan maklumat (kecenderungan dalam pemrosesan maklumat, tidak kira sama ada *Sensing (S)* atau *iNtuition (N)*). Dalam kata lain, golongan individu ini berkecenderungan mengumpul data yang sebanyak mungkin sebelum membuat keputusan untuk berinteraksi dengan persekitaran luaran.

b. Definisi Operasi

Personaliti *Perception (P)* disifatkan sebagai perwatakan yang fleksibel, mudah mengadaptasi, dan memberikan respons secara spontan tanpa merancang apabila berinteraksi dengan persekitaran. Dalam pada itu, personaliti ini juga didapati tidak mempunyai kesulitan apabila berhadapan dengan gangguan dan perubahan. Malah, faktor gangguan dapat merangsangkan motivasi dan memberikan inspirasi.

Jadual 1d: Perbandingan ciri-ciri personaliti *Judgment (J)* dan *Perception (P)*.

| <i>Judgment (J)</i> | <i>Perception (P)</i> |
|---------------------|-----------------------|
| Pemikiran tertutup | Pemikiran terbuka |
| Penentuan | Penerokaan |
| Struktur | Selekoh |
| Berorganisasi | Persoalan |
| Tetap/ malar | Fleksibel |
| Terkawal | Spontan |

Dipetik dari: <http://www.teamtechnology.co.uk>

1.7.6 Penglibatan dalam *e-discussion*

a. Definisi Konseptual

Penglibatan dalam *e-discussion* yang berbentuk perbincangan *asynchronous* yang memperlihatkan penggunaan teks tulisan sebagai dalam medium komunikasi secara *on-line*. Menurut model Henri (1991) seperti yang dinyatakan oleh Newman (1995), penglibatan dalam komunikasi bermediakan komputer (Computer-Mediated Communication, CMC) merangkumi bilangan mesej serta panjang mesej.

b. Definisi Operasi

Memandangkan penggunaan penulisan teks merupakan satu-satunya pendekatan dalam *e-discussion*, penglibatan *end-user* adalah berpandukan jumlah bilangan mesej yang dihantar oleh individu sepanjang perbincangan diadakan. Oleh itu, penglibatan dikira berdasarkan bilangan mesej per individu dalam *e-discussion* KMP2025.

1.7.7 Pengalaman *e-discussion*

a. Definisi Konseptual

Pengalaman didefinisikan sebagai pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh menerusi aktiviti pemerhatian, perbuatan serta melalui sesuatu situasi. Dalam kajian Dorothy, Rena,

Kristi & Sharon (1998), aspek ini merujuk kepada pengalaman lepas, reaksi kini, dan sikap penglibatan diri dalam instruksi secara *on-line* pada masa depan.

b. Definisi Operasi

Menurut Notess (2000), pengalaman *end-user* adalah bergantung kepada individu, bukannya perciraian sesuatu hasil mahupun proses. Oleh itu, pengalaman responden dalam *e-discussion* KMP2025 merujuk kepada kesedaran diri tentang perasaan, sikap, dan kepercayaan individu ketika perkembangan *e-discussion*.

1.8 Limitasi kajian

Dalam mengenalpasti kepercayaan kajian ini, beberapa persoalan tentang limitasi kajian didapati wujud memandangkan tidak terdapat kajian penyelidikan yang sempurna. Seperti kajian-kajian yang lepas, kajian ini didapati mempunyai beberapa limitasi yang lebih kurang sama. Antaranya:

1. Kajian ini hanya melibatkan guru PKPG bahagian penyelarasan Fakulti Sains Kognitif dan Sumber Manusia, UNIMAS. Sampel kajian dihadkan kepada kajian kes bagi kumpulan Sains dan IT kerana golongan ini sahaja yang menggunakan Quickplace KMP 2025. Oleh itu, bidang pengajian mereka, iaitu Sains dan IT, mungkin memberikan kesan pengaruh kepada pengalaman masing-masing.
2. Kajian kes ini juga tertumpu kepada penggunaan teknologi *Lotus Quickplace* yang merupakan saluran komunikasi utama bagi sampel kajian ini. Walaupun terdapat kesamaan dari segi pendekatan penyelidikan, keputusan kajian ini mungkin berlainan bagi kajian lain yang menggunakan teknologi *on-line* yang lain serta sistem instruksi yang mungkin berbeza.
3. Hasil keputusan personaliti menunjukkan bahawa tidak terdapat banyak perbezaan dalam taburan personaliti. Dalam perkataan lain, sampel kajian tidak menunjukkan kepelbagaian yang ketara kerana 72 orang guru pelatih sahaja yang terlibat. Selain itu, keadaan ini juga mungkin disebabkan pengaruh kerjaya responden yang berlatarbelakangkan guru. Justeru, kajian ini menghadapi kesukaran untuk berkombinasikan bilangan personaliti secara ideal.
4. Penglibatan responden hanya setakat diperwakili dengan frekuensi guru-guru pelatih yang menghantar mesej dalam *e-discussion*. Tahap pembelajaran dalam *e-discussion* tidak dapat dijalankan kerana memerlukan masa yang panjang. *E-discussion* KMP 2025 mungkin tidak begitu sesuai untuk mengkaji pengaruh personaliti. Hal ini kerana kadar penglibatan keseluruhan responden adalah rendah dan interaksi antara kandungan mesej-mesej yang dihantar juga agak rendah. Keputusan ini menyebabkan teknik analisis kandungan mesej tidak dapat digunakan secara maksimum. Oleh itu, teknik analisis mesej yang digunakan terpaksa dipermudahkan dan hanya meliputi aspek-aspek yang dapat dianalisis sahaja.
5. Selain itu, kajian ini hanya menekankan faktor personaliti dan pengalaman. Faktor-faktor lain seperti tahap motivasi dan merit tidak diambil kira. Hal ini tidak bermakna faktor personaliti merupakan faktor utama dalam mempengaruhi keberkesanan *e-discussion*. Malah faktor personaliti hanya sebagai salah satu aspek yang memotivasikan responden untuk melibatkan diri dalam *e-discussion*.